

Tambah baik undang-undang lindungi populasi tenggiling

Dagangan hidupan liar secara haram di seluruh dunia dianggarkan bernilai AS\$23 bilion (RM95 bilion) setahun dengan pasaran terbesar dipegang China.

Produk berasaskan hidupan liar mendapat sambutan di negara itu kerana membabitkan industri penting dalam penghasilan ubatan tradisional.

Penghasilan ubatan tradisional ini juga menyebabkan ada saintis mengesyaki COVID-19 disebarkan kepada manusia daripada kelawar melalui tenggiling. Haiwan itu dipercayai menjadi antara punca COVID-19 muncul di pasar Wuhan.

Sebenarnya, ancaman terhadap spesies flora dan fauna menjejaskan kitaran ekologi kerana kedua-dua unsur itu serta manusia perlu ada untuk mewujudkan keseimbangan semula jadi.

Aktiviti tidak lestari seperti pembalakan dan penerokaan kawasan baharu untuk pembangunan memusnahkan banyak spesies hidupan liar.

Setiap tahun, 20 Februari diisytiharkan sebagai Hari Tenggiling Sedunia bertujuan meningkatkan kesedaran awam terhadap pemuliharaan haiwan itu. Haiwan mamalia nokturnal berkenaan boleh ditemui di kawasan tropika dan subtropika seperti Malaysia, Thailand, Indonesia, Vietnam, Laos, Kemboja dan Singapura.

Terdapat lapan spesies tenggiling di dunia, tetapi Tenggiling Malaya/Sunda dan Tenggiling China paling terancam. Di negara ini, ia boleh dijumpai di hutan dara dan sekunder, ladang sawit serta getah.

Tenggiling penting dalam ekosistem hutan melalui pemakanannya. Tenggiling Sunda direkodkan mampu memakan 200,000 semut setiap kali waktu makan. Jumlah ini menjadikan populasi semut dan anai-anai yang boleh menjadi makhluk perosak di habitat asal dapat dikawal.

Proses pembinaan sarang semut dan anai-anai pada pokok hidup akan menyebabkan bahagian dalamnya berongga, seterusnya membunuh pokok atau

membahayakan manusia dan haiwan lain sekiranya tumbang.

Bagaimanapun, tenggiling terancam dan di ambang kepupusan apabila habitat dirosakkan proses pembangunan dan kerakusan manusia mengeksploitasi sumber alam.

Dianggarkan lebih sejuta tenggiling ditangkap secara haram dan diperdagangkan di seluruh dunia sejak 2000.

Ini menjadikan mamalia itu antara haiwan paling tinggi didagangkan terutama memenuhi permintaan di Vietnam dan China.

Walaupun pemerdagangan tenggiling diharamkan mengikut Jadual Ketiga Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Terancam 2008 (CITES), ia terus diburu dan dibunuh kejam demi sisik serta daging.

Tenggiling dilindungi sepenuhnya di Semenanjung Malaysia mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 hingga tidak boleh dipelihara atau dinagakan, malah tiada permit pemilikan dikeluarkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) untuk orang ramai.

Biasanya, haiwan liar seperti tenggiling dihantar ke utara Semenanjung bagi memudahkannya diseludup ke Thailand, sebelum ke pasaran gelap di China dan Vietnam.

Permintaan tinggi terhadap daging haiwan eksotik menyebabkan tenggiling kerap diseludup.

Daging ini didakwa mampu memaskan badan ketika musim sejuk. Faktor lain, kepercayaan tahyul kononnya daging dan sisik tenggiling boleh memanjangkan usia, selain menyembuhkan pelbagai penyakit.

Harga daging tenggiling dijual di pasaran tempatan pada kadar RM200 hingga RM300 sekilogram, namun boleh meningkat hampir lima kali ganda di Vietnam dan China.

Harganya naik mendadak hingga RM1,000 sekilogram, manakala jika siap dimasak, hidangannya boleh mencecah AS\$200 (RM825) sepinggan di luar negara.

Begitu juga sisik tenggiling kerap diseludup ke China susulan kepercayaan kononnya memulihkan pelbagai pe-

nyakit. Antara 2016 hingga 2019, dianggarkan sejumlah 206.4 tan sisik tenggiling dirampas daripada 52 operasi dijalankan.

Sisik tenggiling mendapat permintaan tinggi kerana banyak digunakan dalam perubatan tradisional Cina hingga harganya boleh mencecah AS\$3000 (RM12,800) sekilogram.

Sisik juga tergolong dalam larangan import mengikut Jadual Ketiga, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) kecuali dengan permit.

Terdapat banyak faktor lain menyumbang kepupusan tenggiling. Penerokaan hutan misalnya boleh memusnah atau mengecilkan habitat yang memerlukan kawasan luas untuk aktiviti hidup.

Hutan mengecil akan mengurangkan kemampuan tenggiling mencari makanan dan mencari pasangan untuk tujuan pembiakan.

Pembalakan dan perubahan hutan kepada guna tanah mendedahkan tenggiling menjadi sasaran mudah kepada pemburu dan pemangsa memandangkan kawasan persembunyiannya semakin berkurangan. Selain pembakaran terbuka turut menjadi ancaman.

Pemburuan haram akibat permintaan tinggi negara luar itu juga menyebabkan haiwan itu sering disembunikan untuk diseludup dalam keadaan amat menyedihkan.

Menurut kajian, hanya seekor daripada 10 haiwan diseludup sampai ke tangan pembeli.

Meskipun usaha penguatkuasaan berterusan, penyeludupan tenggiling masih berleluasa. Rampasan dilaporkan mungkin kecil berbanding jumlah pemerdagangan sebenar.

Tenggiling juga terancam disebabkan pencemaran serius kerana banyak tadbiran air beracun dan tidak sesuai diminum hingga meningkatkan kematian. Malah, perubahan iklim turut memberi kesan kepada kelestarian spesies ini.

Fenomena El Nino menyebabkan peningkatan suhu dunia mendadak. Peningkatan suhu persekitaran boleh membawa penyakit hingga tenggiling boleh mati.

Saintis mengesyaki COVID-19 dise-

barkan kepada manusia daripada kelawar melalui haiwan tenggiling, yang banyak digunakan bagi rawatan tradisional di China.

Justeru, kerajaan China memansuhkan penggunaan tenggiling dalam senarai rasmi ubatan tradisional dan tidak lagi disenaraikan secara rasmi dalam Chinese Pharmacopoeia.

Malah, pihak berkuasa perhutanan China meletakkan perlindungan tertinggi pada tenggiling kerana statusnya terancam.

Tabung Hidupan Liar Dunia (WWF) mengalu-alukan langkah untuk meningkatkan perlindungan terhadap tenggiling, sekali gus menyifatkannya 'tempoh berehat' daripada perdagangan haram.

Menurut Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam, populasi tenggiling di China menurun lebih 90 peratus sejak 1960.

Di negara ini, penubuhan Institut Penyelidikan dan Perlindungan Tenggiling Sabah (SAPSARI) di Tawau mampu memastikan ia dilindungi sepenuhnya dan dikawal daripada ancaman kepupusan.

Impak diperoleh daripada usaha konservasi sebegini diharapkan mampu meningkatkan tahap kesedaran terutama kepada generasi muda supaya dapat membantu dalam melindungi haiwan terancam.

Langkah lain, mewujudkan lebih banyak taman negara yang dapat menyediakan habitat kepada haiwan liar dari segi kemandiriannya.

Selain program pendidikan, kesedaran dan penyelidikan, undang-undang sedia ada perlu diperhalusi dan meningkatkan penguatkuasaan khususnya menambah kakitangan berkaitan.

Penambahbaikan undang-undang dan penguatkuasaannya adalah untuk memastikan populasi tenggiling terawal serta mengurangkan permintaan melalui kerjasama pihak berkuasa dengan komuniti setempat.

Penulis adalah Profesor Madya di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)



Prof Madya
Dr Haliza
Abdul
Rahman



Tenggiling semakin terancam berikutan permintaan tinggi terhadap daging dan sisik, kononnya untuk tujuan perubatan.

(Foto hiasan)